

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 15/05/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional / 27

Tajuk : Teknologi NACF Korea Selatan tingkat pengeluaran susu

Teknologi NACF Korea Selatan tingkat pengeluaran susu

KUANTAN - Projek ternakan lembu tenusu melalui kerjasama Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan (NACF) Korea Selatan dijangka mampu meningkatkan pengeluaran produk itu sekali ganda.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, teknologi dan kepakaran daripada NACF bagi pengeluaran anak lembu tenusu kacukan Korea, New Zealand dan Australia yang diusahakan menerusi Projek Berkelompok Koperasi boleh mengeluarkan susu sekitar 30 hingga 45 liter bagi setiap ekor lembu.

Menurutnya, jumlah pengeluaran itu cukup banyak jika dibandingkan produktiviti lembu tempatan yang dianggarkan 15 hingga 20 liter.

"Di Malaysia industri ini masih kecil dan pengeluaran susu negara hanya 20 peratus sahaja. Jadi kita percaya dengan adanya strategi ini boleh meningkatkan pengeluaran susu ne-



Abdul Fattah (kiri) beramah mesra dengan peserta pada Mesyuarat Agung Koperasi Pembangunan Daerah Kuantan di Kompleks Dagangan Mahkota, Jalan Sultan Ahmad Shah pada Sabtu.

gara sekali gus mengelak kebergantungan susu import daripada luar negara khususnya New Zealand," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Pembangunan Daerah

Kuantan di Kompleks Dagangan Mahkota, Jalan Sultan Ahmad Shah pada Sabtu.

Katanya, projek perintis ini bermula sejak 2019 dengan membekalkan 21 ekor lembu dan kini ditempatkan pusat ternakan lembu tenusu di Kluang, Johor.